

terima dan direkodkan
pada 21/10/2000

J.
Tandatangan



UNIT KLRC

warta DBKL

ISSN 1511 - 5364 MEI- JUN 2000
NASKHAH PERCUMA

PESTA AIR KUALA LUMPUR 2000

Pesta Air Kuala Lumpur 2000 agak unik kerana ia diadakan di tasik berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia yang mengadakannya di laut dan pantai.



Datuk Bandar Kuala Lumpur (kiri) bersama Y.B. Dato' Shahrizat (kanan) semasa melawat tapak permainan

"Pesta Air ini mampu mengeratkan warga kota yang pelbagai kaum di Kuala Lumpur. Dahulu pesta seumpama ini merupakan satu riadah dan disambut dengan meriahnya seperti di Melaka dan Kelantan. Pesta tersebut harus dihidupkan semula," ujar Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Dato'Sahrizat binti Abdul Jalil, semasa melancarkan Pesta Air Kuala Lumpur 2000 di Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini.

Pesta Air Kuala Lumpur 2000 ini ialah satu program yang diaturkan sempena sambutan Pesta Air ke-1000 yang telah dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, di Pantai Kundur, Petaling pada 6 Mei 2000.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memperkenalkan produk pelancongan dan kelembahan prasarana yang menarik. Keunikan sosiobudaya pelbagai kaum berbilang bangsa merupakan aset yang boleh menarik pelancong.

Pelbagai acara telah disediakan oleh jawatankuasa pengajur untuk warga kota yang mengunjungi Taman Tasik Titiwangsa. Antaranya ialah pertandingan mewarna, pukul bantal individu, tarik tali pantai dan panjat tiang licin.



Acara Pukul Bantal

KHABAR SEMASA

Pertukaran Pegawai-Pegawai	9
Bendera Kuala Lumpur Genap 10 Tahun	15

WARTA MENARIK

- * Pesta Air Kuala Lumpur 2000
- * Bunga Labu Di Pinggir Kayangan
- * Selamat Bersara Datuk



9 771511 536005

Bersambung ke muka surat 14

CITRAWARNA PENUH GEMILANG

Citrawarna Malaysia di alaf baru telah dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini di Dataran Merdeka.

Pelancaran yang berlangsung dalam



Perarakan masuk replika burung sebut Bulan Citrawarna Malaysia 2000 dilancarkan



Kebudayaan masyarakat kaum Cina turut dipersembahkan



Salah satu tarian lemah gemalai


susana penuh warna-warni dan meriah itu turut disaksikan oleh Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri Malaysia, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Perarakan dimulakan dengan persembahan kumpulan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disertai 130 peserta. Mereka menampilkan persembahan keimahan kota yang bercirikan bangsa Malaysia dan Kuala Lumpur sebagai pusat budaya dan tamadun Malaysia masa kini.



Datuk Bandar Kuala Lumpur (barisan tengah) dan isteri menghadiri di Malam Pelancaran Citrawarna Malaysia

Perarakan kesenian pelbagai kaum dan etnik sejauh 1.5 km bermula dari Dataran Merdeka dan melalui Jalan Raja Laut serta Jalan Tuanku Abdul Rahman. Ia merupakan acara utama Bulan Citrawarna Malaysia 2000 yang disambut di seluruh negara selama sebulan mulai 27 Mei hingga 26 Jun 2000 yang bertemakan *Malaysia Truly Yours*.



Sebahagian 130 peserta DBKL yang mengambil bahagian dalam perarakan

DARI MEJA EDITOR

Warga kota perlu mengikis anggapan bahawa tugas pembangunan, kesihatan pembersihan, penyelengaraan sungai, jalan raya, perumahan dan menjaga keindahan Kuala Lumpur terletak di bahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semata-mata.

Zaman telah banyak berubah berbanding satu atau dua dekad lalu. Penguatkuasaan undang-undang tidak memadai untuk membanteras kegiatan penjaja tanpa lesen, vandalisme, membuang sampah ke dalam sungai dan antisosial yang lain. Sebaliknya ia menuntut agar semua pihak yang terlibat bukan sahaja DBKL, malah warga kota, firma, swasta dan badan kerajaan mengembeleng tenaga dan memainkan peranan yang sama penting untuk mencapai matlamat tersebut.

Dalam hubungan ini, semua pihak perlu memainkan peranan yang sama memberi pandangan ke arah memantapkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Dalam Taman dan Bandar Raya Taman Bercahaya serta mewujudkan masyarakat yang prihatin. Penyertaan semua pihak sangat berfaedah dengan menyalurkan banyak idea yang berfaedah untuk diperlakukan dan peranan mereka menjadi contoh kepada pihak lain.

DBKL juga peka tentang kepentingan mengurus dalam sekitar. Masalah ini boleh ditangani dengan adanya penglibatan semua pihak yang berkaitan seperti agensi kerajaan, individu, masyarakat dan sektor swasta terutama pengilang dan peniaga yang memperoleh keuntungan lumayan daripada usaha perdagangan dan perniagaan. Kerjasama semua pihak ialah tuntutan yang hakiki untuk pengurusan alam sekitar yang berkualiti.

Tanggungjawab membangun Kuala Lumpur ialah tanggungjawab bersama. Jika ada kerjasama antara semua pihak, besar kemungkinan kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur kekal terpelihara pada tahap yang memuaskan. Jika tidak ada kerjasama sebaliknya cenderung menyalahkan orang lain, mungkin akan menjadi beban yang berat kepada semua orang.

Penasihat :
Mohd. Yusoff Bin Hj. Ibrahim

(Sehingga 15 Mei 2000)

Haji Izman Bin Haji Ismail

(Mulai 16 Mei 2000)

Editor:

Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :

Zainon Binti Haji Alias

Nasitah Binti Ali

(Pelatih UiTM)

Ahmad Nasim Bin Dato' Mohd. Sidek

(Pelatih UiTM)

Jurufoto :

Mubarak Bin Mohd Atan

Abd. Rhani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Nik Rozali Bin Nik Othman

Edaran:

Ramlan Bin Salleh

Alamat Editor

Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,

Jabatan Pengurusan Organisasi,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Atau berhubung dengan

Zainon Binti Haji Alias

Tel: 03-291 6011 samb.3855

Faks: 03-298 0460

PERHATIAN

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Warta DBKL

tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Cetakan

Percetakan Nasional Malaysia Berhad

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Laman Web DBKL: <http://www.tm.net.my/dbkl/>

E-Mail: dbkl_pro@tm.net.my